SOALAN NO: 56

Kementerian ini tidak mempunyai rekod bayaran yang dibayar oleh pihak penganjur kepada mana-mana artis jemputan. Ini kerana penganjur tidak diwajibkan untuk mengemukakan maklumat kos bayaran kepada PUSPAL. Namun, penganjur perlu mengemukakan maklumat ini kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri melalui dokumen kontrak artis.

NO. SOALAN: 57

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN YANG KE-13

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG**
		[MARANG]
TARIKH	:	**1 APRIL 2015 (RABU)**
SOALAN	:	Minta **Perdana Menteri** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk meredakan isu sensitive seperti perkauman dan sentiment agama yang boleh menimbulkan ketegangan dalam masyarakat.

JAWAPAN:

Tan Sri Yang Di-Pertua,

Mengurus, menangani mahupun meredakan isu-isu sensitif yang berkaitan dengan isu perkauman dan sensitiviti agama yang berbeza bukan suatu perkara yang mudah dan boleh diselesaikan dalam masa yang singkat.

Ia berbangkit, barangkali didorong oleh unsur-unsur untuk menjaga kepentingan atau kelompok-kelompok tertentu, menentang alasan-alasan tertentu, memperjuangkan aliran politik atau ia dibangkitkan untuk agenda tertentu.

Di dalam meredakan isu-isu sensitif, kerajaan mengambil pendekatan dengan memberi penjelasan yang rasional melalui dialog, penjelasan melalui media, dan pelbagai cara lain.

Kerajaan juga berpendapat bahawa kelestaraian perpaduan kita adalah tanggungjawab setiap warganegara. Mereka perlu bersikap positif atau bersama-sama mengamalkan sikap hormat menghormati diantara satu dengan yang lain. Pemahaman, penghayatan dan pengamalan nilai-nilai Rukun Negara patut menjadi panduan di dalam memelihara perhubungan dalam kepelbagaian kaum di Negara ini.

Sekiranya sikap ini dapat diamalkan, kerajaan yakin dan percaya, apa jua isu berbangkit yang melibatkan hubungan kaum mahupun sentimen agama ini dapat diselesaikan dengan baik.